

Biro Veteran gembeling tenaga bekas wakil rakyat

IPOH, Isnin — Bekas wakil-wakil rakyat UMNO dijangka akan kembali semula menggembeling tenaga dalam politik UMNO Perak berikutan penubuhan Biro Veteran baru-baru ini.

Ini tidaklah bererti mereka akan aktif semula dalam kerajaan.

Pemerhati-pemerhati politik berpendapat, tenaga mereka masih berguna dan penglibatan mereka akan membawa kesan terutama menjelang pilihanraya umum akan datang.

Ramai bekas wakil rakyat UMNO menyambut baik penubuhan biro itu seperti yang diumumkan oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed Haji Wan Teh.

Biro yang diwujudkan oleh Perhubungan UMNO Perak bulan lalu akan mengadakan satu mesyuarat selepas Hari Raya Puasa untuk melantik ahli-ahli jawatankuasanya.

Pengerusi biro itu, Haji Jumah Satar ketika ditemui hari ini memberitahu, inilah kali pertama biro itu mengadakan mesyuarat sejak ditubuhkan pertengahan Jun lalu.

Penubuhan biro itu direstui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan UMNO Perak di sini 13 Jun.

Haji Jumah berharap, biro yang julung-julung kali diwujudkan itu akan benar-benar memberi kesan.

Ini kerana penubuhan biro itu bukan sahaja melibatkan tenaga bekas wakil-wakil rakyat bahkan dapat juga menghapuskan sikap terasing selepas meletakkan jawatan dengan kerajaan.

Haji Jumah menambah, beliau sedang mengumpul maklumat yang boleh membantu menghubungi bekas wakil-wakil rakyat UMNO.

Antara mereka, Datuk Seri Haji Hussein Nordin, bekas ahli Parlimen kawasan Parit yang kini menjadi Pengarah Urusan Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Berhad di Kuala Lumpur.

Manakala mereka yang berada di Perak, tetapi dikatakan menghilangkan diri dari politik UMNO termasuk, Encik Sulaiman Bulon yang pernah menjadi Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Encik Zakaria Johor Ali bekas Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kuala Kurau dan Datuk Seri Ali Zaini, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri.